

## AMALAN PENGAJARAN BERKESAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM MENINGTEGRASIKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI SEKOLAH MENENGAH

\*Mohd Zaidi Bin Mohd Zeki

Rafiza Abd. Razak

Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya, Malaysia

\*zaidium82@gmail.com

**Abstract:** This study aims to elaborate pertinent issue regarding the teaching skills of Higher Order Thinking Skills (HoTS) among Islamic Education teachers in secondary schools. Planning and implementation of HoTS are two major problems highlighted in the past study. Based on the overall findings of the study on teaching integrating HoTS, Islamic Education teachers need to have the necessary skills in implementing the best practices accurately based on the comprehensive current curriculum information.

**Keywords:** *Best Practices; Teaching Skills of Higher Order Thinking Skills (HoTS)*

### PENGENALAN

Untuk membangunkan tamadun, usaha mendidik merupakan proses pembangunan manusia yang perlu dilaksanakan secara konsisten (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019; Zulkiple Abd Ghani, Noor Azizi & Adnan Mohd. Yusof, 2016) terutama dalam usaha membasmi buta huruf (Abdul Halim El-Muhammady, 1998), mengelak keciciran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Raluca Ungureanu, 2017) dalam kalangan rakyat dan membaiki kehidupan manusia. Usaha mendidik bertujuan menghasilkan pendidikan murid yang mempunyai keseimbangan yang kuat daripada JERIS (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelak & Sosial) berupaya menjadikan rakyat Malaysia membudayakan pendidikan seumur hidup dengan baik (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019; Hussein Ahmad & Mohammed Sani Ibrahim, 2016).

Pelaksanaan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di peringkat sekolah menengah dilihat sebagai satu menifestasi terhadap keberkesanan PAK-21 yang mengutamakan pendidikan seumur hidup dan memenuhi keperluan dasar baharu di bawah PPPM (2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Dasar PPPM meletakkan tugas guru sama ada di luar bandar, pedalaman (Mohd Zaidi Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Rafiza Abd. Razak, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019) dan bandar untuk merealisasikan transformasi pendidikan berdasarkan KSSM yang diperlukan oleh setiap murid bagi bersaing di peringkat global.

Justeru bagi menzahirkan keperluan KBAT dalam Pendidikan Islam selari dengan keperluan globalisasi, peranan guru Pendidikan Islam dilihat sebagai sumber utama menyempurnakan pendidikan murid (Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar & Ab. Halim Tamuri, 2020; Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa dan Mohd Syaubari Othman, 2020) dengan meletakkan KBAT sebagai asas pembentukan kemenjadian murid secara holistik dalam sistem pendidikan. Apabila penekanan kesemua aspek yang diperlukan dalam KSSM Pendidikan Islam dilaksanakan oleh guru berdasarkan KBAT berjaya, maka matlamat Pendidikan Islam iaitu "... *membentuk hamba dan khalifah Allah yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketrampilan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah....*" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017) mudah dicapai.

### PERNYATAAN MASALAH

Sesuai dengan saranan pengintegrasian KBAT dalam subjek Pendidikan Islam, guru Pendidikan Islam dilihat sebagai sumber utama untuk mengimplementasi KBAT khususnya semasa PdPC. Kesediaan guru dalam melaksana pengajaran Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan KBAT adalah tinggi pada pandangan Muhammad Talhah Ajmain, Siti Nur Hadis A. Rahman, Asma Nurul 'Aqilah Mahpuz, Aminunudin Hehsan dan Mohd Aderi Che Noh (2019). Walaupun begitu, pertentangan berlaku apabila peranan guru dalam konteks kemahiran berfikir dalam Pendidikan Islam ternyata masih di tahap sederhana berdasarkan kajian Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah

dan Khadijah Abdul Razak (2017) dan Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017). Laporan Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam (2018) berkaitan keberkesanan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam yang turut melaporkan bahawa pelaksanaan KBAT dalam subjek tersebut masih belum teguh secara keseluruhannya di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia.

## KAJIAN LITERATUR

Persoalan berhubung isu pelaksanaan pengajaran guru mengutamakan kemahiran berfikir bukan isu lapuk. Hal ini demikian kerana sememangnya pelaksanaan pendidikan berdasarkan FPK sentiasa meletakkan penyetaraan pendidikan dengan keperluan kemahiran berfikir. Sebelum pelaksanaan KBAT di seluruh sekolah di Malaysia disebarluaskan, penekanan terhadap KBKK (Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif) untuk menjadikan murid berminda kreatif, kritis dan rasional (Rajendran, 2017) seiring dengan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dijalankan pada hujung 1980. Inisiatif kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan KBKK secara eksplisit di sekolah-sekolah pada tahun 1993. Selanjutnya dan pada tahun 1994 dikembangkan pelaksanaan KBKK di maktab-maktab perguruan dan dengan keadaan sedemikian merupakan transformasi pendidikan pada masa tersebut.

Sesuai dengan sistem pendidikan di Malaysia yang mempunyai hala tuju pendidikan mengikut acuan sendiri seperti Wawasan 2020 (Rajendran, 2017), berlaku perubahan seterusnya dalam sistem pendidikan berkaitan KBKK. Pada tahun 2000, pihak kerajaan telah melakukan sekali lagi transformasi pendidikan dengan memberi penekanan kemahiran berfikir secara mencapah kepada pemikiran rasional, logik, penghujahan dan berfikir kritis bertepatan Wawasan 2020. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) memaklumkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010) dengan meletakkan modal insan “minda kelas pertama” (Rajendran, 2017) bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang mampu berhadapan dengan persaingan dalam dunia global. Meletakkan KBKK sebagai landasan untuk membentuk kesediaan murid bagi berhadapan globalisasi merupakan landasan yang kuat dalam usaha memperkasa pembudayaan kemahiran berfikir melalui sistem pendidikan negara.

Dalam pada itu, inisiatif untuk terus menjadikan kemahiran berfikir sebagai platform yang kukuh dalam pendidikan di sekolah tidak berhenti begitu sahaja. Tahun 2013 merupakan tahun perintis transformasi PAK-21 yang memperlihatkan kemahiran berfikir dalam sistem pendidikan Malaysia yang diterjemah melalui PPPM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Melalui PPPM, pengenalan kepada KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018) diperluas dan diintegrasikan dalam sistem pendidikan berdasarkan anjakan pendidikan dengan menyediakan kesamarataan akses pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018, 2014). Walaupun dalam anjakan tersebut tidak menetapkan secara khusus subjek Pendidikan Islam tetapi dengan penggubalan kurikulum baharu iaitu KSSR (Kurikulum Sepadu Sekolah Rendah) dan KSSM (Kurikulum Sepadu Sekolah Menengah) bagi setiap subjek meletakkan KBAT di tempat yang sesuai dalam membudayakan kemahiran berfikir di sekolah bagi merealisasikan kemenjadian murid secara holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018, 2014).

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan meneroka amalan pengajaran berkesan guru Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan KBAT di sekolah menengah

## REKA BENTUK KAJIAN

Berdasarkan andaian ontologi dan andaian epistemologi kajian, pengkaji menetapkan metodologi yang sesuai digunakan dalam kajian ini bagi memenuhi objektif kajian dan menjawab soalan kajian. Maka, berdasarkan kesesuaian antara falsafah penyelidikan dan objektif kajian serta soalan kajian, pengkaji memilih penyelidikan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes. Hal ini demikian kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji berkaitan pelaksanaan pengajaran berkesan guru Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan KBAT melibatkan bidang sains kemanusiaan, maka reka bentuk kajian kes sesuai diimplementasi. Aspek tersebut merujuk pandangan Marohaini Mohd Yusoff (2010) serta Aini Hassan (2007). Marohaini Mohd Yusoff (2010) serta Aini Hassan (2007) berpendapat, kajian yang menggunakan pendekatan kajian kes berupaya memandu pengkaji kualitatif menjalankan kajian berdasarkan prinsip yang tepat bagi memenuhi keperluan objektif kajian dan menjawab semua soalan kajian khususnya bidang sains kemanusiaan contohnya pengajaran guru di sekolah.

Pemilihan reka bentuk kajian kes dalam kajian ini turut didorong oleh faktor pengkaji ingin mendapatkan gambaran secara menyeluruh dan intensif bagi fenomena yang dikaji. Gambaran secara menyeluruh dan intensif tersebut sangat penting diperoleh memandangkan pengkaji perlu mendalami keseluruhan aspek komposisi pengajaran guru dalam

mengintegrasikan KBAT secara lengkap berdasarkan kerangka konseptual kajian. Bagi tujuan penerokaan komposisi tersebut, maka pengkaji perlu melakukan penelitian secara mendalam di lokasi kajian bagi menjelaskan kerumitan situasi sebenar yang kurang sesuai diukur menggunakan uji kaji atau tinjauan (Yin, 2009). Justeru bagi melengkapkan komposisi-komposisi tersebut, maklumat boleh diperoleh hasil daripada penyelidikan berbentuk kajian kes. Hal ini demikian kerana Graziano dan Raulin (2004) serta Merriam (1990) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif misalnya kajian kes merupakan penyelidikan yang sesuai kerana berfokus kepada tingkah laku, keadaan atau kejadian sebenar di tempat berlakunya fenomena-fenomena tersebut. Pada waktu yang sama, penumpuan terhadap fokus secara spesifik seperti kajian ini selanjutnya membentuk dan melengkapkan gambaran kajian yang sempurna. Tambahan pula, hal tersebut penting kepada pengkaji dalam menyempurnakan pelaporan kualitatif yang bermutu.

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian ini berdasarkan soalan kajian khusus yang dibina oleh pengkaji. Soalan kajian tersebut ialah “Bagaimanakah amalan pengajaran berkesan guru Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan KBAT di sekolah menengah?” Berdasarkan soalan kajian, dapatan kajian diperoleh daripada empat peserta kajian. Keempat-empat peserta kajian dipilih berdasarkan kepakaran yang mereka miliki dalam melaksanakan PdPC (pembelajaran dan pemudahcaraan). Dalam masa yang sama, keterlibatan mereka sebagai peserta kajian dipengaruhi oleh kriteria khusus seperti pengalaman mereka yang terlibat sebagai Guru Cemerlang (GC).

Antara dapatan kajian utama yang diperoleh pengkaji berdasarkan temu bual separa berstruktur dan pemeriksaan dokumen ialah pengamalan maklumat, kompetensi diri dan kebolehan merungkai kurikulum.

Pertama, pengamalan maklumat. Berdasarkan hasil dapatan kajian, peserta-peserta kajian memaklumkan bahawa proses penyampaian maklumat merupakan prosedur penting terhadap semua pelaksanaan kurikulum di sekolah. Prosedur tersebut berpadanan dengan gagasan idea yang dikongsikan oleh Bush dan Ng (2019) serta Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam (2018). Berdasarkan dapatan kajian sebenar, prosedur penyampaian maklumat melibatkan tempoh, kaedah dan lokasi strategik merupakan antara aspek yang perlu disepadukan oleh guru. Hal ini demikian kerana bagi memastikan kecairan maklumat berlaku dan berupaya memberi input bermakna untuk dilaksana oleh pegawai pendidikan khususnya mereka sebagai guru. Maka, kesediaan guru untuk menerima maklumat penataran perlu diberi perhatian utama untuk mereka terjemahkan semasa sesi pembelajaran bersama murid. Justeru, guru yang profesional merupakan pendidik yang sentiasa menggunakan maklumat hasil penataran yang mereka perolehi yang dianggap sebagai pembudayaan ilmu.

Kedua, kompetensi diri. Pada pandangan peserta-peserta kajian, kompetensi diri guru merupakan penyumbang utama terhadap pelaksanaan kurikulum seperti penerapan KBAT khususnya dalam pengajaran di sekolah. Justeru setiap guru berperanan penting dalam membangunkan kompetensi diri dalam menyokong pelaksanaan pengajaran guru dalam mengintegrasikan KBAT. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara kompetensi guru dalam melaksanakan pengajaran dengan mengintegrasikan KBAT ialah menganjak paradigma, membudayakan ilmu, berkongsi pengalaman dan kreativiti. Berdasarkan semua saranan peserta kajian, dapat disimpulkan bahawa dalam membentuk kompetensi diri sebagai fasilitator semasa PdPC, profesionalisme keguruan penting dalam konteks pendidikan semasa. Maka, guru bukan sahaja perlu cakna dalam melaksana pengajaran, namun perlu bersedia melaksana merancang pengajaran dengan cekap. Penggunaan BBB (Bahan Bantu Belajar), pentaksiran secara holistik dan penerapan kemahiran insaniah penting dalam diri guru dalam merancang pengajaran. Dengan perancangan yang teliti berupaya mengukuh pelaksanaan pengajaran dengan mengupayakan kemahiran berfikir secara berkesan sepanjang PdPC dilaksanakan.

Selanjutnya, amalan pengajaran guru dalam mengintegrasikan KBAT bersangkut-paut dengan kompetensi pemegang taruh sebagai contoh ikutan yang baik kepada guru. Bagi dapatan kompetensi pemegang taruh, aspek tersebut merupakan perbincangan dapatan yang dianggap baharu dalam kajian ini. Pada kebiasaannya, pengaruh ‘top-down’ banyak memberi kesan terhadap pelaksanaan kurikulum. Hal ini tercetus apabila usaha mengekal kepercayaan guru terhadap dasar yang berlangsung dalam sistem pendidikan seperti transformasi pendidikan (Bush & Ng, 2019). Namun, berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh pemegang taruh memberi kesan kurang memberangsangkan terhadap pelaksanaan pengajaran guru dalam mengintegrasikan KBAT sependapat dengan Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad dan Norasmah Othman (2021) serta Bush dan Ng (2019). Justeru berdasarkan cadangan peserta kajian, penambahbaikan boleh dilaksanakan oleh guru apabila mereka mencotohi peribadi dan amalan pemegang taruh seperti pegawai JPN dan pentadbir sekolah. Aspek tersebut menjadi penanda aras dan sokongan yang boleh dipengaruhi oleh guru dalam mereka melaksanakan pengajaran dengan mengintegrasikan KBAT. Seperti penyeliaan berkualiti, berdasarkan kompetensi pemegang taruh yang boleh memberi panduan positif kepada mereka sebagai guru, perkara tersebut berupaya meningkatkan motivasi intrinsik dalam melaksanakan pengajaran dengan

mengintegrasikan KBAT. Hal ini wujud akibat daripada profesionalisme serta kredibiliti pemegang taruh dipandang tinggi oleh guru seterusnya diteladani oleh mereka. Maka, kompetensi pemegang taruh dilihat penting sebagaimana dapatan kajian oleh Bush dan Ng (2019). Justeru setelah meneliti semula semua saranan Bush dan Ng (2019) serta Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam (2018), pemegang taruh wajar melihat kompetensi diri dalam memastikan akauntabiliti mereka menepati pengupayaan transformasi pendidikan seperti PPPM. Persis kata orang tua-tua ‘keimpinan melalui tauladan’ merupakan peribahasa yang tepat bagi menjelaskan perkaitan antara peranan pemegang taruh dengan pengaruh transformasi pendidikan untuk guru contoh sebagai panduan mereka semasa menjalankan PdPC secara berkesan.


Ketiga, antara perbincangan dapatan kajian berhubung amalan berkesan pengajaran guru dalam mengintegrasikan KBAT ialah merungkai kurikulum. Hal ini bersangkut-paut dengan proses merungkai kurikulum yang perlu dilaksanakan oleh guru berdasarkan DSKP. Dengan merungkai kurikulum berdasarkan DSKP, semua keperluan persediaan dan perancangan pengajaran guru dapat diusahakan secara lebih berkesan sebelum mereka terjemahkannya semasa PdPC (Nurul Hijja Mazlan, 2020). Lebih-lebih lagi pembinaan DSKP yang dieksplisitkan dengan KBAT oleh panel penggubal kurikulum dan pakar Pendidikan Islam kurang wajar dilihat secara literal. Oleh yang demikian, merungkai kurikulum secara literal hendaklah dihindari oleh guru. Hal ini demikian merujuk profesionalisme keguruan yang sangat mementingkan kreativiti dan produktiviti guru dalam menggunakan dokumen rasmi kurikulum. Maka, guru perlu bijak menggunakan dokumen kurikulum dalam mengolah aktiviti yang menyokong objektif pengajaran yang mereka rancang. Dalam masa yang sama, mereka sebagai guru perlu bersikap terbuka apabila merungkai kurikulum. Hal tersebut merujuk inovasi guru misalnya dalam usaha mereka merancang dan melaksana pentaksiran. Maka, dengan merungkai kurikulum secara tepat berupaya mengelak guru melaksana pengajaran secara sayarahan sahaja. Sedangkan PdPC berciri PAK-21 seperti penggunaan peta minda, eksplorasi buku teks dan lakonan berupaya mengukuh pemahaman murid semasa di dalam kelas. Semua perkara tersebut diperoleh oleh guru apabila mereka cekap merungkai dokumen kurikulum seperti DSKP.

Namun, seperti persetujuan pendapat antara peserta kajian, disebabkan kecairan maklumat yang rendah dalam kalangan guru semasa merungkai kurikulum, mereka berhadapan masalah mengimpikasi KBAT dalam pengajaran. Hal tersebut bersangkut-paut dengan ketidakcekapan guru dalam merungkai kurikulum berdasarkan Standard Pengetahuan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Oleh hal yang demikian, para guru perlu berusaha merungkai kurikulum dan memastikan setiap pelaksanaan pengajaran berbentuk perancangan dan pelaksanaan pengajaran berpandu DSKP secara tepat.

Walaupun begitu, dalam konteks perbincangan ini, masalah pengajaran guru dalam mengintegrasikan KBAT tidak akan selesai sekiranya proses penataran maklumat masih lagi bermasalah. Hal ini demikian merujuk maklumat yang dikongsikan oleh Bush dan Ng (2019). Bush dan Ng (2019) merujuk kepada tindakan guru yang melakukan kesilapan awal dalam merungkai kurikulum apabila mereka kurang menyelidik serta menyiasat secara terperinci kandungan PPPM dengan baik. Disebabkan kelemahan para guru tersebut dan ditambah dengan penataran maklumat yang kurang tepat menyebabkan mereka kurang berupaya meningkatkan prestasi sebagai pelaksana kurikulum yang sebenar. Pada pandangan peserta-peserta kajian, apabila guru sukar merungkai kurikulum berdasarkan elemen-elemen penting berdasarkan DSKP, mereka berhadapan kesukaran meletakkan proses pelaksanaan pengajaran dengan mengintegrasikan KBAT secara seiring. Malah, guru akan meletakkan paradigma bahawa pelaksanaan KBAT sekadar transisi perubahan kurikulum. Disebabkan faktor tersebut, terbentuklah cara berfikir dalam minda guru seperti pelaksanaan pengajaran dengan mengintegrasikan KBAT sukar dilaksanakan dan perlu mengutamakan peperiksaan.

## IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini dibina berdasarkan pandangan Cheng (1996) berdasarkan kerangka ‘input, proses dan *output*’. Kerangka tersebut telah dilengkapi berdasarkan rujukan dan panduan oleh BPK berkaitan proses guru merancang dan melaksanakan pengajaran dengan mengintegrasikan KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) dan diubahsuai oleh pengkaji berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini.



Rajah 1. Kerangka cadangan pengajaran berkesan guru Pendidikan Islam dalam mengintegrasikan KBAT di sekolah menengah

## RUMUSAN

Amalan pengajaran berkesan guru dalam mengintegrasikan KBAT perlu berlandaskan kefahaman. Kefahaman tersebut sangat memberi kesan terhadap tindakan mereka sebagai guru terutama dalam proses merancang dan melaksana pengajaran dengan mengintegrasikan KBAT. Oleh hal yang demikian, usaha guru untuk membangunkan potensi diri sangat penting sebagai sokongan terhadap peningkatan profesionalisme keguruan dan memastikan pelaksanaan pengajaran yang mereka laksanakan sesuai dengan keperluan murid.

## RUJUKAN

- Abdul Halim El-Muhammady. (1998). Pendidikan Islam falsafah, disiplin dan peranan pendidik. Selangor: *Dewan Pustaka Islam*.
- Aini Hassan. (2007). Kualitatif atau kuantitatif? Memahami andaian asas yang mendasari penyelidikan pendidikan. *Masalah Pendidikan*, 30 (1), 7-16.

- Bush, T., & Ng Yoon Mooi, A. (2019). Distributed leadership and the Malaysia Education Blueprint: from prescription to partial school-based enactment in a highly centralised context. *Journal of Educational Administration*, 57(3), 279-295.
- Cheng, Y. C. (1996). *School effectiveness and school-based management: A mechanism for development*. London: Falmer Press.
- Fathizaki Rifin, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. (2021). Kompetensi guru dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran pendidikan sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 194-205.
- Graziano, A. M., & Raulin, M. L. (2004). *Research methods a process of inquiry* (5th Ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Hussein Ahmad dan Mohammed Sani. (2016). Transformasi pendidikan nasional antara aspirasi dan anjakan. Dlm. *Transformasi pendidikan nasional antara aspirasi dan anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam. (2018). *Laporan kajian keberkesanan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam bagi menghadapi cabaran masa kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran berfikir aras tinggi aplikasi di sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Laporan tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Laporan tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Transformasi pendidikan Orang Asli dan peribumi (buku panduan)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marohaini Mohd Yusoff. (2010). Kesiediaan penyelidik menjalankan kerja lapangan kajian kualitatif. *Masalah Pendidikan*, 33, 53-68.
- Merriam, S. B. (1990). *Case study research in education: A qualitative approach* (3rd ed.). San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017a). Pelaksanaan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah menerusi kaedah penyoalan berdasarkan kemahiran berfikir aras tinggi. *Journal of Advance Research in Social and Behavioural Sciences*, 7(1), 1-19.
- Mohd Zaidi Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Rafiza Abd. Razak. (2020). Cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman; Bersediakah dalam melaksanakan KBAT. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1), 1-14.
- Muhammad Talhah Ajmain, Siti Nur Hadis A. Rahman, Asma Nurul 'Aqilah Mahpuz, Aminunudin Hehsan dan Mohd Aderi Che Noh. (2019). Predisposition of Islamic Education teacher in implementing teaching of higher order thinking skills (KBAT) at the state of Selangor. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), 52-60.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. (2017). Elemen pemikiran kritis dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 92-101.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa dan Mohd Syaubari Othman. (2020). *Kekangan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5-2020) secara dalam talian pada 24-25 November 2020.
- Nurul Hijja Mazlan. (2020). *Development of collaborative flipped instruction for form one Malay language writing* (Disertasi doktor falsafah). Kuala Lumpur; Universiti Malaya.
- Raluca Ungureanu. (2017). School dropouts- a theoretical framework. *International Journal of Research Engineering and Sosial Sciences*, 7(1), 21-27.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Norasmahani Nor Nor Anisa Musa & Mohd Syaubari Othman. (2020). Konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). *JQSS- Journal of Quran and Special Needs*, 4(2), 11-21.
- Yin, R. K. (2009). *Case study research design and methods* (4th ed.). Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Zulkiple Abd Ghani, Noor Azizi & Adnan Mohd. Yusof. (2016). *Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Cabaran dan hala tuju*. Negeri Sembilan: Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia.